

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : **5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 26 :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status dan maklumat lanjut mengenai dasar Zon Pelaburan Pelancongan Khas (*Special Tourism Investment Zone*) dan penaiktarafan teknologi dan pendigitalisasi sektor pelancongan, sepertimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada Ogos 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Pelancongan Negara atau DPN 2020-2030 menggariskan 6 strategi transformasi yang mana 2 daripadanya memberi penekanan kepada *public-private partnership* atau PPP serta digitalisi pelancongan. PPP berperanan sebagai alat untuk meningkatkan daya tarikan destinasi dan produk pelancongan, di samping menambahbaik perancangan dan pengurusan destinasi tersebut. Justeru, zon-zon pelaburan bagi projek pelancongan atau dikenali sebagai *Special Tourism Investment Zones* - STIZ akan diwujudkan untuk menggalakkan PPP serta menarik lebih ramai pelabur tempatan dan antarabangsa. Pada masa ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sedang memperincikan pelan strategik bersama pelbagai agensi berkaitan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau MIDA dan pihak berkuasa koridor.

Di samping itu, DPN juga memfokuskan kepada transformasi industri pelancongan negara ke arah pelancongan pintar atau *Smart Tourism* dalam menghadapi peluang dan cabaran Revolusi Industri 4.0 atau IR4.0. Antara usaha yang sedang dijalankan adalah kerjasama Tourism Malaysia bersama *Expedia* yang telah ditandatangani pada 20 Ogos 2019 bagi tempoh 6 bulan iaitu bermula 5 Ogos 2019 sehingga 4 Februari 2020. Usaha ini mensasarkan ketibaan seramai 220,500 orang pelancong daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan Jepun. Kerjasama ini juga akan melibatkan perkongsian kepakaran oleh *Expedia* dengan pengusaha pelancongan tempatan terutamanya industri kecil dan sederhana atau SME dengan memberikan bimbingan dan latihan untuk memasarkan produk mereka secara dalam talian.

Sekian, terima kasih.